

R B249 BAH  
MAHATHIR - GSP

ALOR SETAR, 1 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BELIAU PERCAYA BADAN-BADAN TERTENTU DI AMERIKA DAN NEGARA-NEGARA MAJU LAIN YANG DIBANTU OLEH ORANG-ORANG TERTENTU DI NEGARA INI, AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENGHALANG PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA.

+TAHUN INI DITOLAK, TAHUN DEPAN ADA LAGILAH USAHA UNTUK MENGHALANG PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA KITA,+ KATANYA SEBAGAI MENGULAS PENOLAKAN OLEH MAHKAMAH DAERAH AMERIKA TERHADAP PERMOHONAN OLEH KUMPULAN BURUH AMERIKA DAN KUMPULAN LAIN BAGI MENYAMAN PRESIDEN GEORGE BUSH DAN BEBERAPA ORANG ANGGOTA KABINET YANG DIDAKWA +GAGAL MENGUATKUASAKAN PERUNTUKAN HAK PEKERJA DALAM SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP).+

MAHKAMAH DI NEGARA ITU JUGA MENOLAK SATU LAGI USAHA OLEH TABUNG PENYELIDIKAN HAK BURUH DAN PELAJARAN ANTARABANGSA DAN KUMPULAN LAIN UNTUK MENDAPATKAN PERINTAH MAHKAMAH YANG AKAN MEMAKSA PERWAKILAN PERDAGANGAN AMERIKA SYARIAKT MENGAJAI SEMULA PETISYEN TERHADAP GSP MALAYSIA.

MENURUT LAPORAN AKHBAR, HAKIM GERHARD GESELL KETIKA MENOLAK PERKARA ITU MENYATAKAN BAHAWA +USUL PLAINTIF BAGI PERINTAH AWAL MENIMBULKAN KERAGUAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG BERTEMU PARA PEMBERITA SETIBANYA DARI KUALA LUMPUR DI LAPANGAN TERBANG DI SINI PETANG INI, MELAHIRKAN RASA SEDIH TERHADAP KEGIATAN ORANG-ORANG TERTENTU DI NEGARA INI +YANG AGAK TIDAK SENANG HATI MELIHAT PEKERJA-PEKERJA DI MALAYSIA MENDAPAT KERJA DAN NEGARA INI MENGALAMI PERTUMBUHAN EKONOMI.+ -- LAGI.

2041MST 01 11 90

D580

R B250 BAH  
MAHATHIR - GSP 2 ALOR SETAR

BELIAU, BAGAIMANAPUN, TIDAK MENYALAHKAN PIHAK-PIHAK DI AMERIKA KERANA MEREKA BERBUAT DEMIKIAN UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN PEKERJA MEREKA.

+SAYA TIDAK SALAHKAN MEREKA KERANA MANA-MANA NEGARA JUGA AKAN CUBA MELINDUNGI KEPENTINGAN NEGARANYA. YANG MENYEDIHKAN SAYA IALAH ADA ORANG DI SINI YANG LEBIH SUKA MENOLONG PEKERJA ASING DARIPADA PEKERJA DI DALAM NEGARA KITA INI DAN ORANG-ORANG INI AKAN MENDESAK BADAN-BADAN TADI SUPAYA EKONOMI NEGARA KITA TERJEJAS DENGAN PENARIKAN BALIK GSP,+ TAMBAH BELIAU.

SEMASA DITANYA MENGENAI LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL OLEH KERAJAAN UNTUK MEMBENDUNG KEGIATAN PIHAK-PIHAK BERKENAAN DI NEGARA INI, BELIAU BERKATA= +NEGARA KITA DEMOKRATIK.+

+DALAM NEGARA DEMOKRATIK ADA BERBAGAI-BAGAI JENIS MANUSIA. ADA YANG PATRIOTIK, YANG SAYANG KEPADA NEGARA SENDIRI, YANG MENJAGA KEPENTINGAN NEGARA, KEPENTINGAN PEKERJA SENDIRI DAN ADA PULA YANG BERPURA-PURA MELINDUNGI PEKERJA SENDIRI TETAPI SEBALIKNYA BEKERJA UNTUK KEPENTINGAN ASING,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH PULANG UNTUK MENGHADIRI KENDURI KESYUKURAN KEMENANGAN BARISAN NASIONAL DI MASJID AL-AQLA DI JITRA MALAM INI.

KETIBAAN MEREKA DI LAPANGAN TERBANG DISAMBUT OLEH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DAN ISTERI, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR ABDUL HAMID OTHMAN DAN ORANG KENAMAAN NEGERI SERTA WAKIL-WAKIL RAKYAT. -- BERNAMA.

2043MST 01 11 90